

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO (Menurut Fasal 30 Perlembagaan UMNO)

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO

(Menurut Fasal 30 Perlembagaan UMNO)

“Bahawasanya Perhimpunan Agung UMNO yang bersidang pada hari ini, Jumaat, 6hb. Disember, 2019, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, mengambil ketetapan meminda Perlembagaan UMNO pada Fasal-fasal asal seperti berikut :-

1. FASAL 3 – ASAS DAN TUJUAN

Meminda Fasal 3, meminda Fasal-fasal kecil 3.1, 3.2, dan 3.3, meminda Fasal kecil 3.4 (asal) kepada Fasal kecil 3.5 dan menambah Fasal kecil 3.4 (baru), meminda Fasal-fasal kecil 3.5, 3.6 (asal) menjadi Fasal-fasal kecil 3.6, 3.7 (baru).

2. FASAL 4 – JENIS AHLI

Meminda Fasal-fasal kecil 4.1, 4.2 dan menambah Fasal-fasal kecil 4.1.3, 4.4.1 dan 4.4.2 (baru).

3. **FASAL 5 – PENDAFTARAN KEAHLIAN**

Meminda Fasal-fasal kecil 5.1, 5.2 dan 5.10, menambah Fasal-fasal kecil 5.4, 5.6 dan 5.7 (baru), meminda Fasal kecil 5.4 (asal) menjadi Fasal kecil 5.5, meminda Fasal kecil 5.6 (asal) menjadi Fasal kecil 5.8, meminda Fasal kecil 5.7(asal) menjadi Fasal kecil 5.9, dan menambah fasal kecil 5.11 (baru) dan meminda Fasal kecil 5.9 (asal) menjadi Fasal kecil 5.12 (baru).

4. **FASAL 6 – TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI**

Meminda Fasal-fasal kecil 6.1, 6.2, 6.3 dan menambah Fasal-fasal kecil 6.4, 6.4.1, 6.4.2, 6.4.3, 6.4.4, 6.4.5,6.4.6, 6.5.1, 6.5.2, 6.5.3, 6.5.4, 6.5.5,6.5.6 (baru).

5. **FASAL 9 – MAJLIS TERTINGGI**

Meminda Fasal kecil 9.2.2, 9.2.3, 9.3 dan menambah Fasal-fasal kecil 9.2.2.1, 9.2.2.2, 9.8.1.5 dan 9.8.1.6 (baru).

6. **FASAL 10 – TANGGUNGJAWAB MAJLIS KERJA TERTINGGI**

Meminda Fasal kecil 10.2

7. **FASAL 12 – BADAN PERHUBUNGAN**

Menambah Fasal kecil 12.12.1.4 (baru)

8. **FASAL 15 – JAWATANKUASA BAHAGIAN**

Meminda Fasal-fasal kecil 15.1.8, 15.13 dan 15.13.1

9. **FASAL 20 – DISIPLIN**

Meminda Fasal-fasal kecil 20.1, 20.2, 20.3, 20.4, 20.5, 20.6, 20.10, 20.11 dan menambah Fasal-fasal kecil 20.8 (baru), meminda Fasal kecil 20.8 (asal) menjadi Fasal kecil 20.9, meminda Fasal kecil 20.11 (asal) menjadi Fasal kecil 20.12, meminda Fasal kecil 20.11.1 (asal) menjadi Fasal kecil 20.12.1, meminda Fasal kecil 20.11.2 (asal) menjadi Fasal kecil 20.12.2 dan meminda Fasal kecil 20.12 (asal) menjadi Fasal kecil 20.13.

10. **FASAL 24 – PUNCA PENDAPATAN**

Meminda Fasal kecil 24.1.2

11. **FASAL 25 - YURAN UMNO**

Meminda Fasal kecil 25.1

12. **FASAL 27 – HARTA ALIH DAN TAK ALIH**

Meminda Fasal-fasal kecil 27.2, 27.4 dan menambah Fasal-fasal kecil 27.4.1, 27.4.2, 27.4.3 dan 27.4.4 (baru).

PERINCIAN FRASA, FASAL-FASAL YANG DIPINDA, DIMASUKKAN SEBAGAI FASAL KECIL, BARU DAN FASAL-FASAL YANG DIMANSUHKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT: -

PINDAAN FRASA RUJUKAN SECARA MENYELURUH DI DALAM PERLEMBAGAAN UMNO DAN PERATURAN-PERATURAN

Terdapat beberapa pindaan frasa rujukan secara menyeluruh seperti berikut :

- I. **Majlis Tertinggi (MT)** ditukar Kepada **Majlis Kerja Tertinggi (MKT)**
- II. **Badan Perhubungan UMNO Sabah** dikenali juga sebagai **UMNO Sabah**
- III. **Pergerakan Wanita UMNO** ditukar kepada **Wanita UMNO (Fasal 21)**
- IV. **Ketua Pergerakan Wanita UMNO** akan dikenali sebagai **Ketua Wanita UMNO Malaysia (Fasal 9.2.2)**
- V. **Ketua Pergerakan Pemuda** akan dikenali sebagai **Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (Fasal 9.2.3)**
- VI. **Ketua Pergerakan Puteri** akan dikenali sebagai **Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia (Fasal 9.2.3)**

Pindaan dibuat bagi mengikut ketetapan dan kesesuaian semasa.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 3	ASAS DAN TUJUAN		
FASAL 3	UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita Kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara.	UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita agama Islam, kebangsaan Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli serta perpaduan Malaysia demi kemakmuran dan kestabilan negara.	Perkemas asas dan tujuan parti serta melibatkan penomboran fasal.
FASAL 3.1	Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Negara.	Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai Agama Persekutuan serta menghormati prinsip kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.	
FASAL 3.2	Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-Negeri dan Raja Berperlembagaan.	Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.	
FASAL 3.3	Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi Negara serta menghormati prinsip kebebasan beragama.	Mendukung asas-asas Perlembagaan Persekutuan selagi mana ia membela Kepentingan Raja-raja Melayu, Bangsa Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli serta lain-lain perkara sebagaimana yang termaktub di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, Prinsip Kontrak Sosial dan Undang-Undang Tubuh Negeri-Negeri di Malaysia.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 3.4	TIADA	Membela nasib rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang kaum.	Fasal Baru
FASAL 3.5	(Fasal 3.4) Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khususnya dan rakyat Malaysia amnya.	Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi bangsa Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli khususnya serta rakyat Malaysia amnya.	Perkemas asas dan tujuan parti serta melibatkan penomboran fasal.
FASAL3.6	(Fasal 3.5) Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu.	Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai Bahasa Rasmi Negara yang tunggal dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu.	
FASAL 3.7	(Fasal 3.6) Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan prinsip-prinsip hak Asasi Manusia dan Hak Keistimewaan Orang-Orang Melayu dan bumiputera.	Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan rakyat Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan prinsip-prinsip hak Asasi Manusia dan Hak Keistimewaan Orang-Orang Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 4	JENIS AHLI		
FASAL 4.1	Ahli-ahli UMNO adalah dua jenis :-	Ahli-ahli UMNO adalah terdiri daripada tiga jenis :-	Menambah kategori baru ahli UMNO bagi membuka peluang yang lebih luas untuk menjadi ahli UMNO.
FASAL 4.1.3	TIADA	Ahli Bersekutu	
FASAL 4.2	Ahli Biasa ialah Warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu atau Bumiputera yang berusia 18 tahun ke atas.	Ahli Biasa UMNO ialah Warganegara Malaysia yang berbangsa Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli yang berusia 16 tahun ke atas.	Perkemas definisi untuk menjadi ahli UMNO dan had minimum umur untuk menjadi ahli.
FASAL 4.4	TIADA	<p>Ahli Bersekutu ialah :</p> <p>4.4.1 Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO); atau</p> <p>4.4.2 Individu yang ingin menjadi ahli tanpa berdaftar dengan cawangan dan bahagian (keahlian secara langsung),</p> <p>yang setuju bekerjasama dengan UMNO, menerima syarat-syarat dan keputusan yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO dari semasa ke semasa.</p>	Menambah kategori ahli UMNO samada melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ataupun keahlian individu secara langsung.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 5	PENDAFTARAN KEAHLIAN		
FASAL 5.1	Tiap-tiap orang Melayu dan Bumiputera berhak mendaftar diri sebagai ahli UMNO mengikut Perlembagaan dan Peraturannya.	Tiap-tiap orang Melayu, Bumiputera, Anak Negeri Sabah dan Orang Asli berhak mendaftar diri sebagai ahli UMNO mengikut Perlembagaan dan Peraturannya.	Perkemas definisi untuk menjadi ahli UMNO dan selari dengan pindaan Fasal 4.2 Perlembagaan UMNO.
FASAL 5.2	Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa hendaklah dikemukakan kepada Ketua Cawangan atau Ketua Wanita Cawangan atau Ketua Pemuda Cawangan atau Ketua Puteri Cawangan masing-masing yang dikehendaki menerima dan meluluskan permohonan tersebut.	Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa boleh dilakukan melalui dua kaedah: 5.2.1 Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa UMNO hendaklah dikemukakan kepada Ketua Cawangan atau Ketua Wanita Cawangan atau Ketua Pemuda Cawangan atau Ketua Puteri Cawangan masing-masing; atau 5.2.2 Pendaftaran keahlian di Pejabat UMNO Bahagian secara terus atau atas talian.	Permudahkan proses pendaftaran untuk menjadi ahli UMNO.
FASAL 5.4	TIADA	Jika permohonan dibuat diperingkat Bahagian, Bahagian perlu memaklumkan kepada Cawangan mengenai permohonan tersebut serta merta.	Fasal Baru Notis makluman UMNO Bahagian kepada UMNO Cawangan bagi pendaftaran ahli baru.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 5.5	(Fasal 5.4) Jika pemohon tidak didaftar sebagai ahli dalam satu bulan, ia boleh melapor hal ini kepada Jawatankuasa Bahagian dan Jawatankuasa Bahagian mesti mengarah Jawatankuasa Cawangan mendaftar pemohon tersebut sebagai ahli.	TIADA	Penomboran semula fasal. (Fasal asal adalah 5.4)
FASAL 5.6	TIADA	Jika permohonan yang dibuat di peringkat Bahagian tidak diterima dalam satu bulan, ia boleh melapor hal ini kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri. Badan Perhubungan UMNO Negeri boleh mengarah Jawatankuasa Bahagian mendaftar pemohon tersebut sebagai ahli dengan serta-merta.	Fasal Baru Pindaan bagi proses pendaftaran keahlian UMNO kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri (BPUN) .
FASAL 5.7	TIADA	Jika Jawatankuasa Bahagian tidak melaksanakan Fasal 5.5 atau Jawatankuasa Bahagian masih enggan mematuhi arahan Badan Perhubungan UMNO Negeri, pemohon boleh dalam satu bulan, melapor kepada Majlis Kerja Tertinggi yang selepas menimbang apa-apa bantahan di bawah Fasal 5.8, jika ada, mengarah Jawatankuasa Bahagian mendaftar pemohon itu sebagai ahli.	Fasal Baru Pindaan bagi proses pendaftaran keahlian UMNO kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 5.8	(Fasal 5.6) Mana-mana ahli boleh melapor kepada Majlis Tertinggi atas mana-mana pemohon yang difikirkan tidak layak menjadi ahli serta memberi sebab-sebabnya.	TIADA	Penomboran semula (Fasal asal adalah 5.6)
FASAL 5.9	(Fasal 5.7) Majlis Tertinggi berhak membuat apa-apa keputusan atas mana-mana permohonan pendaftaran keahlian atau taraf sesuatu pendaftaran itu (termasuk menarik balik pendaftaran) dan keputusan itu adalah muktamad.	TIADA	Penomboran semula (Fasal asal adalah 5.7)
FASAL 5.10	(Fasal 5.8) Pertubuhan yang hendak menjadi Ahli Bergabung hendaklah menghantar permohonannya dengan bertulis yang ditandatangani oleh Yang Dipertua dan Setiausahanya kepada Setiausaha Agung UMNO.	Pertubuhan parti politik yang hendak menjadi Ahli Bergabung hendaklah menghantar permohonannya dengan bertulis yang ditandatangani oleh Presiden dan Setiausaha Agungnya kepada Setiausaha Agung UMNO Malaysia.	Penomboran semula dan pindaan kecil dibuat bagi kesesuaian jawatan pada waktu semasa. Yang Dipertua – Presiden Setiausaha – Setiausaha Agung

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 5.11	TIADA	<p>Pendaftaran Ahli Bersekutu melalui dua kaedah:</p> <p>5.11.1 Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) hendaklah menghantar permohonannya dengan bertulis yang ditandatangani oleh Pengerusi dan Setiausahanya kepada Setiausaha Agung UMNO Malaysia; atau</p> <p>5.11.2 Individu yang ingin menjadi Ahli Bersekutu hendaklah mendaftarkan diri secara atas talian.</p>	Fasal Baru Penomboran semula. Tatacara pendaftaran bagi kategori Ahli Bersekutu UMNO.
FASAL 5.12	(Fasal 5.9) Majlis Tertinggi berkuasa menetapkan borang permohonan, wang pendaftaran dan yuran ahli.	Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menetapkan borang permohonan, wang pendaftaran dan yuran ahli biasa UMNO.	Pindaan kecil dan penomboran semula.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 6	TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI		
FASAL 6.1	Tiap-tiap ahli mempunyai tanggungjawab seperti berikut :-	Tiap-tiap ahli biasa UMNO mempunyai tanggungjawab seperti berikut :-	Pindaan kecil bagi membezakan tanggungjawab dan Hak Ahli Biasa.
FASAL 6.2	Tiap-tiap ahli mempunyai hak-hak yang berikut:-	Tiap-tiap ahli biasa UMNO mempunyai hak-hak yang berikut: -	
FASAL 6.3	Seseorang ahli itu tidak berhak:-	Seseorang ahli biasa UMNO itu tidak berhak:-	
FASAL 6.4	TIADA	Tiap-tiap Ahli Bergabung mempunyai tanggungjawab seperti berikut:-	Fasal baru yang memperincikan tanggungjawab dan hak Ahli Bergabung.
FASAL 6.4.1, 6.4.2, 6.4.3, 6.4.4, 6.4.5, 6.4.6	TIADA	6.4.1 Memegang teguh dasar parti UMNO dan melaksanakan tujuan-tujuannya. 6.4.2 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam program parti UMNO sebagai pemerhati. 6.4.3 Mendukung kerja-kerja parti UMNO dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin parti UMNO. 6.4.4 Menyokong calon-calon parti UMNO yang bertanding dalam pilihan raya. 6.4.5 Berkhidmat kepada orang ramai. 6.4.6 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh negara.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
Fasal 6.5	TIADA	Tiap-tiap ahli Bersekutu mempunyai tanggungjawab seperti berikut: -	
FASAL 6.5.1, 6.5.2, 6.5.3, 6.5.4, 6.5.5, 6.5.6	TIADA	6.5.1 Memegang teguh dasar parti UMNO dan melaksanakan tujuan-tujuannya. 6.5.2 Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam program parti UMNO sebagai pemerhati. 6.5.3 Mendukung kerja-kerja parti UMNO dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin parti UMNO. 6.5.4 Menyokong calon-calon parti UMNO yang bertanding dalam pilihan raya. 6.5.5 Berkhidmat kepada orang ramai. 6.5.6 Bersedia dan sanggup menentang musuh-musuh negara.	Fasal dan sub fasal baru yang memperincikan tanggungjawab dan hak Ahli Bersekutu.
FASAL 9	MAJLIS TERTINGGI		
FASAL 9.2	Majlis Tertinggi hendaklah terdiri daripada:-	Majlis Kerja Tertinggi hendaklah terdiri daripada: -	
FASAL 9.2.2	Timbalan Presiden.	9.2.2 Timbalan Presiden: 9.2.2.1 Timbalan Presiden yang dipilih dibawah Fasal 9.3, 9.2.2.2 Ketua Wanita UMNO Malaysia yang bertaraf Timbalan Presiden.	Pengiktirafan kepada Ketua Wanita UMNO Malaysia yang mengetuai Wanita UMNO yang merupakan tulang belakang parti.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 9.2.3	Enam (6) orang Naib Presiden termasuk Ketua Pergerakan Wanita, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Puteri.	Lima (5) orang Naib Presiden termasuk Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Malaysia.	Selaras dengan perubahan taraf Ketua Wanita UMNO Malaysia, maka Naib Presiden akan menjadi 5 orang sahaja.
FASAL 9.3	Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timbalan Presiden, tiga (3) orang Naib Presiden dan dua puluh lima (25) orang Ahli Majlis Tertinggi hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.	Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Presiden, Timbalan Presiden yang dipilih, tiga (3) orang Naib Presiden dan dua puluh lima (25) orang Ahli Majlis Kerja Tertinggi hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian tiap-tiap tiga (3) tahun sekali.	Selari dengan pindaan Fasal 9.2.2
FASAL 9.8	Tugas-tugas Pegawai dalam Majlis Tertinggi:-	Tugas-tugas Pegawai dalam Majlis Kerja Tertinggi: -	Fasal Baru Tambahkan tugas Presiden bagi tujuan penubuhan Majlis Penasihat UMNO
FASAL 9.8.1	Presiden:	Presiden:	
FASAL 9.8.1.5	TIADA	Melantik Ahli Majlis Penasihat Umno.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 9.8.1.6	TIADA	Membuat rundingan semula nama-nama calon pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang baharu jika nama-nama calon yang dicadangkan terdahulu tidak menepati kriteria.	Fasal Baru Tambah tugas Presiden bagi tujuan pemilihan Calon Pilihan Raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.
FASAL 10	TANGGUNGJAWAB MAJLIS KERJA TERTINGGI		
FASAL 10.2	Memilih calon-calon bagi Pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri setelah berunding dengan Badan Perhubungan bagi Negeri yang berkenaan dan Jawatankuasa Bahagian mengikut peraturan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi	Mengambil maklum dan mengesahkan nama-nama calon bagi pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri setelah proses pemilihan calon-calon bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dipatuhi mengikut pelebagaan.	Selaras dengan kehendak semasa, penyenaian nama-nama calon bermula daripada peringkat Bahagian ke Badan Perhubungan UMNO Negeri dan kepada Presiden UMNO Malaysia. Justeru itu, Majlis Kerja Tertinggi akan memberi pengesahan kepada senarai nama tersebut.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 12	BADAN PERHUBUNGAN		
FASAL 12.12	Tugas-tugas Pegawai Badan Perhubungan:	Tugas-tugas Pegawai Badan Perhubungan:	Fasal Baru Tambahkan tugas bagi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri.
FASAL 12.12.1	Pengerusi	Pengerusi	
FASAL 12.12.1.4	TIADA	Menerima dan menimbang senarai calon-calon Pilihan Raya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri serta memastikan senarai tersebut melalui proses yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 15	JAWATANKUASA BAHAGIAN		
FASAL 15.1	Jawatankuasa Bahagian hendaklah terdiri daripada :-	Jawatankuasa Bahagian hendaklah terdiri daripada:-	Menambah lantikan Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian dibawah umur 30 tahun.
FASAL 15.1.8	Tidak lebih daripada lapan (8) orang yang dilantik oleh Ketua termasuk dua (2) orang dari Pergerakan Wanita, satu (1) dari Pergerakan Pemuda dan satu (1) orang dari Pergerakan Puteri.	Tidak lebih daripada dua belas (12) orang yang dilantik oleh Ketua termasuk dua (2) orang dari Wanita UMNO, satu (1) dari Pergerakan Pemuda dan satu (1) orang dari Pergerakan Puteri serta empat (4) orang yang dibawah umur tiga puluh (30) tahun dan terdiri dari dua (2) orang lelaki dan dua (2) orang wanita.	
FASAL 15.13	Tanggungjawab, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Bahagian ialah :-	Tanggungjawab, kuasa dan kewajipan Jawatankuasa Bahagian ialah :-	
FASAL 15.13.1	Mencadangkan calon-calon pilihanraya, wakil-wakil parti bagi menganggotai Majlis Bandar Raya, Perbandaran, Bandaran Tempatan dan Daerah.	Mencadangkan calon-calon bagi pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, wakil-wakil parti bagi menganggotai Majlis Bandaraya, Perbandaran, Bandaran Tempatan dan Daerah melalui mesyuarat jawatankuasa UMNO Bahagian.	Nama-nama calon Pilihanraya Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri akan dicadangkan melalui mesyuarat Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 20	DISIPLIN		
FASAL 20.1	Majlis tertinggi berkuasa menubuhkan Lembaga Disiplin dan menentukan peraturan-peraturan, kuasa-kuasanya dan mengenakan hukuman kerana melanggar peruntukan perlembagaan ini dan kesalahan lain yang disenaraikan didalam Tataetika Ahli UMNO atau mana-mana peraturan lain.	Majlis Kerja Tertinggi berhak menubuhkan Lembaga Disiplin di peringkat Pusat dan Jawatankuasa Disiplin diperingkat negeri serta menentukan peraturan-peraturan, kuasa-kuasa dan mengenakan hukuman kerana melanggar peruntukan perlembagaan ini dan kesalahan lain yang disenaraikan didalam tataetika ahli UMNO atau mana-mana peraturan lain.	Selaras dengan pengiktirafan dan pembahagian kuasa kepada Lembaga Disiplin Pusat dan Jawatankuasa Disiplin peringkat Negeri.
FASAL 20.2	Ahli-ahli Lembaga Disiplin hendaklah dilantik oleh Majlis Tertinggi yang terdiri dari ahli-ahli yang tidak berjawatan dalam parti dan tidak mempunyai kepentingan dalam pemilihan.	Ahli-ahli Lembaga Disiplin hendaklah dilantik oleh Majlis Kerja Tertinggi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Disiplin negeri hendaklah dilantik oleh Badan Perhubungan UMNO Negeri yang terdiri dari ahli-ahli yang tidak berjawatan dalam parti dan tidak mempunyai kepentingan dalam pemilihan.	
FASAL 20.3	Majlis Tertinggi boleh menurunkan kuasa disiplin kepada mana-mana Jawatankuasa di peringkat Perhubungan Negeri atau Bahagian.	Majlis Kerja Tertinggi berhak menetapkan bidang kuasa Lembaga Disiplin dan Jawatankuasa Disiplin serta membuat peraturan-peraturan berkaitan dengannya.	Pembahagian bidang kuasa di peringkat Lembaga Disiplin Pusat dan Jawatankuasa Disiplin Negeri.
FASAL 20.4	Tanpa menyentuh hak Majlis Tertinggi, Lembaga Disiplin di peringkat Badan Perhubungan Negeri atau Bahagian, setelah mendengar dan berpuas hati terhadap pelanggaran peruntukan Perlembagaan ini atau Tataetika Ahli UMNO, bolehlah mengenakan mana-mana hukuman setakat yang diperturunkan.	Tanpa menyentuh bidang kuasa Majlis Kerja Tertinggi, Lembaga Disiplin atau Jawatankuasa Disiplin, setelah mendengar dan berpuas hati terhadap pelanggaran peruntukan perlembagaan ini atau tataetika ahli UMNO, boleh mengenakan mana-mana hukuman mengikut kuasa yang tertakluk dalam Perlembagaan.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 20.5	Tiap-tiap peringkat parti hendaklah melaporkan kepada Lembaga Disiplin mengenai kegiatan mana-mana ahli yang didapati melanggar disiplin parti untuk tindakan selanjutnya.	Tiap-tiap peringkat parti hendaklah melaporkan kepada Jawatankuasa Disiplin terlebih dahulu sebelum dibawa ke Lembaga Disiplin mengenai kegiatan mana-mana ahli yang didapati melanggar disiplin parti untuk tindakan selanjutnya.	Untuk memastikan laporan yang dibawa mengikut aturan yang sewajarnya.
FASAL 20.6	Seseorang ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan disiplin yang dikenakan ke atasnya boleh merayu kepada Majlis Tertinggi.	Seseorang ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan disiplin yang dikenakan oleh Jawatankuasa Disiplin, hendaklah merayu kepada Lembaga Disiplin terlebih dahulu sebelum rayuan terakhir itu dibawa ke peringkat Majlis Kerja Tertinggi untuk keputusan muktamad.	Untuk memastikan rayuan yang dibawa mengikut aturan yang sewajarnya.
FASAL 20.8	TIADA	Mana-mana ahli yang menjadi ahli berdaftar parti politik lain, maka keahliannya gugur setelah disahkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.	Fasal Baru Untuk menggugurkan keahlian bagi ahli yang mendaftar diri dengan parti lain setelah mendapat pengesahan MKT.
FASAL 20.9	(Fasal 20.8) Semua ahli UMNO hendaklah cintakan parti dan :- (a) Patuh kepada Perlembagaan ini dan Tataetika Ahli; (b) Mengikut perintah-perintah parti; (c) Menjalankan dasar-dasar parti; (d) Patuh dan menghormati keputusan-keputusan parti; (e) Menjaga rahsia-rahsia parti; (f) Memelihara nama baik dan maruah parti; (g) Senantiasa menunjukkan tatalaku yang sopan lagi tertib.	TIADA	Penomboran semula

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 20.10	<p>(Fasal 20.9) Mana-mana ahli yang melanggar peruntukan Perlembagaan ini atau Tataetika Ahli UMNO boleh dikenakan mana-mana hukuman yang tersebut di bawah:-</p> <p>(a) Di beri amaran;</p> <p>(b) Digantung hak-haknya dalam parti;</p> <p>(c) Dilarang daripada bertanding bagi mana-mana jawatan dalam parti ataupun sebagai calon dalam Pilihanraya Negeri atau Umum bagi mana-mana tempoh yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi;</p> <p>(d) Dipecat daripada Parti;</p> <p>(e) Dikenakan lain-lain tindakan hukuman yang difikirkan wajar dan selaras dengan Perlembagaan ini.</p>	<p>Tanpa menjejaskan kuasa Majlis Kerja Tertinggi, Lembaga Disiplin Pusat atau Jawatankuasa Disiplin Negeri boleh mengenakan mana-mana hukuman terhadap ahli-ahli yang telah melanggar peruntukan perlembagaan ini atau Tataetika ahli UMNO seperti berikut;</p> <p>(a) Di beri amaran;</p> <p>(b) Digantung hak-haknya dalam parti;</p> <p>(c) Dilarang daripada bertanding bagi mana-mana jawatan dalam parti ataupun sebagai calon dalam Pilihanraya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri bagi mana-mana tempoh yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>(d) Dipecat daripada Parti setelah disahkan oleh Majlis Kerja Tertinggi;</p> <p>(e) Dikenakan lain-lain tindakan hukuman yang difikirkan wajar dan selaras dengan Perlembagaan ini.</p>	<p>Memberi kuasa kepada Lembaga Disiplin Pusat dan Jawatankuasa Disiplin Negeri tanpa menjejaskan kuasa Majlis Kerja Tertinggi.</p>
FASAL 20.11	<p>(Fasal 20.10) Seseorang ahli yang bertanding sebagai calon Bebas atau parti lawan dalam pilihan raya akan dipecat daripada Parti dan tidak boleh diterima balik sebagai ahli selama-lamanya.</p>	<p>Seseorang ahli yang menang bertanding tetapi meninggalkan parti, atau bertanding sebagai calon bebas atau parti lawan dalam pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan negeri akan gugur keahlian dengan sendirinya.</p>	<p>Tindakan disiplin bagi ahli yang melompat parti atau bertanding sebagai parti lawan dalam pilihanraya.</p>

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 20.12	(Fasal 20.11) Ahli-ahli yang dikenakan hukuman, kecuali yang dikenakan hukuman di bawah Fasal 20.10 boleh membuat rayuan supaya:-	(Fasal 20.11) Ahli-ahli yang dikenakan hukuman, boleh membuat rayuan supaya:-	Pindaan kecil beserta penomboran semula fasal.
FASAL 20.12.1	(Fasal 20.11.1) Menarik balik penggantungan keahliannya selepas dua (2) tahun daripada tarikh ia dihukum.	TIADA	
FASAL 20.12.2	(Fasal 20.11.2) Menarik balik pemecatan keahliannya selepas tiga (3) tahun daripada tarikh ia dihukum.		
FASAL 20.12.3	TIADA	Menarik balik pengguguran keahliannya dari tarikh keahliannya gugur.	Tambahan rayuan bagi hukuman disiplin yang dikenakan kepada ahli parti.
FASAL 20.13	(Fasal 20.12) Majlis Tertinggi berkuasa penuh membuat kaedah-kaedah dan paeraturan-peraturan berkaitan dengan Tataetika Ahli UMNO, yang di antara lain melarang penyalahgunaan kuasa dan wang dengan tujuan mendapat undi atau sokongan atau mempengaruhi mana-mana pemilihan bagi pihak sendiri atau bagi pihak lain atau supaya jangan mengundi di mana-mana orang dalam mana-mana pemilihan parti.	TIADA	Penomboran semula.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 24	PUNCA PENDAPATAN		
FASAL 24.1	<p>24.1 Kewangan UMNO adalah diperoleh dari:-</p> <p>24.1.1 Wang pendaftaran dan yuran;</p> <p>24.1.2 Derma-derma; dan</p> <p>24.1.3 Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujukan oleh Majlis Tertinggi.</p>	<p>24.1 Kewangan UMNO adalah diperoleh dari:-</p> <p>24.1.1 Wang pendaftaran dan yuran;</p> <p>24.1.2 Derma-derma dari sumber yang telus dan sah; dan</p> <p>24.1.3 Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.</p>	Justifikasi sumbangan kepada Parti UMNO.
FASAL 25	YURAN UMNO		
FASAL 25.1	Tiap-tiap ahli biasa hendaklah membayar dengan wangnya sendiri sebanyak Ringgit Malaysia Dua (RM2) untuk mendaftar sebagai ahli. Yuran tersebut merupakan bayaran untuk seumur hidup.	Tiap-tiap ahli biasa UMNO hendaklah membayar yuran pendaftaran atau lain-lain yuran yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi dari semasa ke semasa.	Memberikan kuasa dan kelonggaran kepada MKT untuk menentukan apa jua yuran mengikut keperluan semasa parti.
FASAL 27	HARTA ALIH DAN TAK ALIH		
FASAL 27.2	Tiap-tiap harta alih hendaklah dipegang dan didaftarkan atas nama Pemegang Amanah. Majlis Tertinggi dan peringkat-peringkat lain boleh melantik mana-mana ahli atau syarikat sebagai Pemegang Amanah dan mereka boleh diberhentikan pada bila-bila masa jua pun.	Majlis Kerja Tertinggi hendaklah melantik satu Lembaga Pemegang Amanah UMNO bagi tujuan menguruskan pegangan dan pemilikan tiap-tiap harta alih parti serta memastikan pengurusan harta alih, harta tak alih dan segala kepentingan UMNO adalah telus dan bebas dari sebarang penyelewengan dan salah guna kuasa.	Pindaan bagi menjamin harta UMNO dapat dipelihara dengan selamat serta ditadbir urus secara profesional demi kepentingan masa depan parti.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 27.4	Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat peraturan untuk melaksanakan tujuan Fasal 27 ini dan untuk memindahkan nama pemilik berdaftar bagi harta tersebut kepada pihak-pihak yang diberi kuasa memilikinya oleh Fasal 27.1.	TIADA	Sub Fasal Baru Pindaan bagi menjamin harta UMNO dapat dipelihara dengan selamat serta ditadbir urus secara profesional demi kepentingan masa depan parti.
FASAL 27.4.1	TIADA	Setiap Pemegang Amanah UMNO pada setiap peringkat perlu direkodkan dan menandatangani surat ikatan amanah serta melaporkan kemas kini amaun harta alih yang dipegang setiap tahun kepada Lembaga Pemegang Amanah UMNO.	
FASAL 27.4.2	TIADA	Pemegang Amanah UMNO yang tidak mahu memulangkan semula harta alih atau tak alih boleh diambil tindakan undang-undang seperti yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.	
FASAL 27.4.3	TIADA	Aset yang telah dipulangkan semula dan diambil balik perlu dibentangkan kepada Majlis Kerja Tertinggi oleh Lembaga Pemegang Amanah UMNO.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 27.4.4	TIADA	Lembaga Pemegang Amanah UMNO yang dipimpin oleh Bendahari serta dianggotai oleh profesional-profesional berpengalaman dalam bidang masing-masing dan beretika tinggi untuk memastikan pengurusan harta alih dan tak alih telus dan bebas dari sebarang penyelewengan. Lembaga Pemegang Amanah UMNO boleh diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira pada bila-bila masa untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan harta UMNO.	Pindaan bagi menjamin harta UMNO dapat dipelihara dengan selamat serta ditadbir urus secara profesional demi kepentingan parti.

USUL PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO

(Menurut Fasal 30 Perlembagaan UMNO)

ADDENDUM / LAMPIRAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

1. FASAL 24 – PUNCA PENDAPATAN

Meminda Fasal kecil 24.1.2

2. FASAL 27 – HARTA ALIH DAN TAK ALIH

Meminda Fasal kecil 27.2, Fasal kecil 27.4.1, Fasal kecil 27.4.2 , Fasal kecil 27.4.3 dan Fasal kecil 27.4.4

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 24	PUNCA PENDAPATAN		
FASAL 24.1	24.1 Kewangan UMNO adalah diperoleh dari:- 24.1.1 Wang pendaftaran dan yuran; 24.1.2 Derma-derma; dan 24.1.3 Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi.	24.1 Kewangan UMNO adalah diperoleh dari:- 24.1.1 Wang pendaftaran dan yuran; 24.1.2 Derma-derma dari sumber yang telus dan sah; dan 24.1.3 Ikhtiar-ikhtiar lain di semua peringkat yang dipersetujui oleh Majlis Kerja Tertinggi.	Justifikasi sumbangan kepada Parti UMNO.

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 27	HARTA ALIH DAN TAK ALIH		
FASAL 27.2	Tiap-tiap harta alih hendaklah dipegang dan didaftarkan atas nama Pemegang Amanah. Majlis Tertinggi dan peringkat-peringkat lain boleh melantik mana-mana ahli atau syarikat sebagai Pemegang Amanah dan mereka boleh diberhentikan pada bila-bila masa jua pun.	Majlis Kerja Tertinggi hendaklah melantik satu Lembaga Pemegang Amanah UMNO bagi tujuan menguruskan pegangan dan pemilikan tiap-tiap harta alih parti serta memastikan pengurusan harta alih, harta tak alih dan segala kepentingan UMNO adalah telus dan bebas dari sebarang penyelewengan dan salah guna kuasa.	<p>Tambahan perkataan UMNO kepada Lembaga Pemegang Amanah UMNO. Pindaan bagi menjamin harta UMNO dapat dipelihara dengan selamat serta ditadbir urus secara profesional demi kepentingan masa depan parti.</p>
FASAL 27.4.1	TIADA	Setiap Pemegang Amanah UMNO pada setiap peringkat perlu direkodkan dan menandatangani surat ikatan amanah serta melaporkan kemas kini amaun harta alih yang dipegang setiap tahun kepada Lembaga Pemegang Amanah UMNO.	
FASAL 27.4.2	TIADA	Pemegang Amanah UMNO yang tidak mahu memulangkan semula harta alih atau tak alih boleh diambil tindakan undang-undang seperti yang ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.	
FASAL 27.4.3	TIADA	Aset yang telah dipulangkan semula dan diambil balik perlu dibentangkan kepada Majlis Kerja Tertinggi oleh Lembaga Pemegang Amanah UMNO.	

FASAL	FASAL ASAL	CADANGAN / PINDAAN	ULASAN
FASAL 27.4.4	TIADA	Lembaga Pemegang Amanah UMNO yang dipimpin oleh Bendahari serta dianggotai oleh profesional-profesional berpengalaman dalam bidang masing-masing dan beretika tinggi untuk memastikan pengurusan harta alih dan tak alih telus dan bebas dari sebarang penyelewengan. Lembaga Pemegang Amanah UMNO boleh diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira pada bila-bila masa untuk meningkatkan akauntabiliti pengurusan harta UMNO.	Tambahan perkataan UMNO kepada Lembaga Pemegang Amanah UMNO. Pindaan bagi menjamin harta UMNO dapat dipelihara dengan selamat serta ditadbir urus secara profesional demi kepentingan parti.